

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DR. MANSOR BIN ABDUL RAHMAN**

**KAWASAN : SIK**

**TARIKH : 25 MAC 2015 (RABU)**

**NO. SOALAN : 65**

**SOALAN:**

YB DR. MANSOR BIN ABDUL RAHMAN [ SIK ] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan melalui usaha menarik pelabur melalui ASEAN *Economic Community* (AEC) yang akan di tubuhkan di Kuala Lumpur, apakah inisiatif tambahan Kementerian dan agensi-agensi yang berkaitan untuk merealisasikan agenda pada negara khususnya untuk rakyat.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di Pertua,

Impak AEC adalah amat positif bagi ekonomi Malaysia seiring dengan negara ASEAN yang lain. AEC telah membolehkan ASEAN menarik pelabur-pelabur asing untuk menempatkan operasi mereka di rantau ini, termasuk Malaysia. Berdasarkan data pelaburan antarabangsa (Sekretariat ASEAN), ASEAN merupakan salah satu rantau di dunia yang menerima pelaburan asing yang tinggi. Pelaburan asing ke ASEAN telah meningkat dari US\$42.55 billion pada tahun 2000 ke US\$122.4 billion pada tahun 2013. Pada masa yang sama, jumlah perdagangan ASEAN telah meningkat US\$785 billion pada tahun 2000 ke US\$2,511 billion pada 2013. Kemasukan Pelaburan asing telah mewujudkan peluang pekerjaan bagi warga ASEAN dan telah menyumbang kepada peningkatan pendapatan per kapita US\$4000 pada tahun 2013.

Untuk makluman, ASEAN adalah merupakan rakan dagang utama Malaysia. Jumlah dagangan Malaysia ke negara-negara ASEAN telah mencatat RM389.03 bilion pada tahun 2014 dan mewakili 26.8 peratus daripada jumlah dagangan global Malaysia. Eksport Malaysia ke pasaran ASEAN berjumlah RM213.58 billion, peningkatan sebanyak 5.8 peratus daripada tahun 2013, manakala import adalah sebanyak RM175.45 bilion, peningkatan sebanyak 1.4 peratus berbanding tahun 2013.

Dengan jumlah penduduk sebanyak 30 juta orang, Malaysia mempunyai pasaran domestik yang terhad. Dari segi jangka panjang, integrasi ekonomi ASEAN bukan sahaja akan membawa manfaat positif kepada syarikat-syarikat Malaysia, bahkan meningkatkan pelaburan asing kepada negara kita.

Melalui usaha-usaha liberalisasi perdagangan dan pelaburan selama ini, syarikat-syarikat tempatan telah menikmati faedah daripada integrasi dan ekonomi ASEAN kerana mereka telah diberikan ruang dan peluang untuk memperluaskan perniagaan mereka ke negara ASEAN yang lain. Sehingga kini dianggarkan lebih daripada seribu (1,000) buah syarikat Malaysia sedang beroperasi di negara-negara anggota ASEAN dan telah mengaut keuntungan dengan mengembangkan sayap di rantau ini.

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), SME Corporation dan agensi-agensi Kerajaan yang lain telah dan terus mengadakan pelbagai program bagi membantu syarikat-syarikat Malaysia untuk menerokai pasaran-pasaran ASEAN yang kini mempunyai potensi yang luas. Program-program ini melibatkan sokongan dari segi membekalkan maklumat pasaran, pembangunan modal insan serta bantuan-bantuan dari segi pinjaman mudah serta rombongan misi pelaburan ke ASEAN.

Selain daripada itu, Kerajaan juga telah mengadakan pelbagai program kesedaran mengenai potensi AEC kepada pelbagai pihak berkepentingan (*stakeholders*) di seluruh negara. Bagi tempoh 2013 hingga 2014, lebih daripada 160 program kesedaran (*outreach programme*) telah dijalankan

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN TEO KOK SEONG [ RASAH ]**

**TARIKH : 25 MAC 2015 (RABU)**

**SOALAN : 66**

**Tuan Teo Kok Seong [ Rasah ] minta MENTERI PENGANGKUTAN menyatakan:-**

- (a) angaran kos pengambilalihan Sistem Penguatkuasa Elektronik (AES); dan
- (b) pampasan yang akan diberi kepada dua syarikat konsesi dan jumlah kutipan saman yang telah diterima sejak sistem AES dilaksanakan sehingga sekarang.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kepentingan syarikat penyedia perkhidmatan AES (A.T.E.S Sdn. Bhd. dan Beta Tegap Sdn. Bhd) telah diambil alih sepenuhnya oleh syarikat Irat Properties Sdn. Bhd. yang merupakan anak syarikat Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT). Pengambilalihan ini adalah melibatkan transaksi komersial di antara pihak berkepentingan dan tidak melibatkan bayaran pampasan oleh Kerajaan kepada syarikat A.T.E.S Sdn. Bhd. dan Beta Tegap Sdn. Bhd.

Berdasarkan rekod Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), jumlah kutipan saman yang telah diterima sejak sistem AES mula dilaksanakan pada 23 September 2012 sehingga 15 Februari 2015 adalah sebanyak RM71,550,100.00.